

4. LARAS BAHASA

- 5.
- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Tidak mengandungi unsur kiasan • Mementingkan keterperincian • Tidak menggunakan ilustrasi |
|--|

Ciri di atas menepati laras

- A iklan
B sukan
C agama
D undang-undang

(2014:10)

- 6.
- | | |
|-----|---|
| I | Novel Sasterawan Negara dipilih untuk dijadikan buku teks sastera sekolah menengah. |
| II | Unsur pengulangan dan perorangan ketara sekali dalam sajak-sajaknya itu. |
| III | Tulisannya banyak menyentuh hal berkaitan dengan kehidupan masyarakat. |
| IV | Olahan cerita dalam novelnya menarik minat ramai pembaca. |

Pernyataan yang jelas memperlihatkan ciri laras bahasa sastera ialah pernyataan

- A I
B II
C III
D IV

(2014:11)

7. Yang manakah pernyataan yang benar tentang laras bahasa?
- I Kelainan bahasa yang diterima oleh masyarakat umum.
II Kelainan bahasa yang berasaskan disiplin yang diperkatakan.
III Kelainan bahasa yang ditentukan berdasarkan situasi penggunaannya.
IV Kelainan bahasa yang berkesan dalam menyatakan sesuatu gagasan.

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(U2014:10)

8. Yang manakah laras bahasa iklan?
- A Syarikat XYZ telah disenaraikan di papan utama dalam Bursa Malaysia.
B Kereta keluaran Proton yang baharu mampu dimiliki kerana harganya yang berpatutan.
C Kami sedia memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan-pelanggan setia kami.
D Telefon bimbit model terbaharu memberikan peluang kepada pengguna untuk mengikuti siaran televisyen.

(U2014:11)

9. Sesuatu jenis laras bahasa itu dapat dikesan melalui
- I fokus perbincangan penutur atau penulisnya
II kosa kata yang digunakan oleh penutur atau penulisnya
III kecekapan penggunaannya dalam menguasai bahasa asing
IV kepelbagaian jenis ayat yang digunakan oleh penggunaannya

- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

(2015:10)

10. Yang manakah padanan yang betul antara jenis laras dengan cirinya?

	Jenis laras bahasa	Ciri
A	Laras akademik	Memberikan maklumat baharu tentang sesuatu perkara
B	Laras sukan	Sangat mementingkan kepersisan, keobjektifan, kejelasan, dan keterperincian
C	Laras ekonomi	Kurang mementingkan ketepatan tatabahasa
D	Laras sastera (kreatif)	Terdapat penyimpangan tatabahasa atau manipulasi bahasa

(2015:11)

11.

I: Mengutamakan ketepatan diksi
II: Berlaku penyimpangan tatabahasa
III: Banyak menggunakan ayat perintah
IV: Menggunakan bahasa yang tersirat dan kreatif

Ciri laras bahasa sastra ialah

- | | |
|-------------|--------------|
| A I dan II | C II dan IV |
| B I dan III | D III dan IV |

(U2015:10)



12. Yang berikut merupakan ciri laras bahasa agama dan laras bahasa undang-undang, **kecuali**

- A mementingkan kegramatisan ayat
- B banyak menggunakan kosa kata khusus
- C memerlukan takrifan dan tafsiran yang tepat
- D berkaitan dengan prinsip dan panduan hidup

(U2015:11)

BAHAGIAN B

1. Bina satu wacana yang menepati ciri laras bahasa di bawah ini. Panjangnya tidak melebihi 40 patah perkataan.



Contoh wacana:

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[2]
(2013:28)

2.

- Isinya bersifat objektif
- Mengandungi istilah khusus
- Berfokus kepada satu bidang ilmu

Tulis sebuah teks yang panjangnya antara 30 hingga 40 patah perkataan yang memperlihatkan ciri laras di atas.

.....

.....

.....

.....

.....

[3]
(U2013:26)

3. Nyatakan **dua** perbezaan antara laras bahasa iklan dengan laras bahasa resipi.

	<i>Laras bahasa iklan</i>	<i>Laras bahasa resepi</i>
(a)		
(b)		

[4]
(2014:26)

4. (a) Nyatakan dua ciri bagi laras bahasa ekonomi.

(i) [1]

(ii) [1]

(b) Bina **satu** wacana yang menepati ciri laras bahasa ekonomi. Panjang wacana mestilah tidak melebihi 30 patah perkataan.

.....

.....

.....

.....

[2]
(U2014:28)

5.

• Menggunakan istilah yang berkaitan dengan aktiviti sukan
• Mementingkan kesan emotif kepada khalayak

Bina **satu** wacana yang menepati ciri laras bahasa di atas. Panjang wacana tersebut mestilah tidak melebihi 30 patah perkataan.

.....

.....

.....

.....

.....

[2]
(2015:26)

6.

Carilah hatimu pada tiga tempat. Cari hatimu sewaktu membaca al-Quran. Jika kau tidak menemui, cari hatimu ketika mengerjakan solat. Jika kau tidak menemui, cari hatimu ketika duduk bertafakur mengingati mati.

Berikan **tiga** ciri laras bahasa bagi petikan di atas.

- (i) [1]
- (ii) [1]
- (iii) [1]
- (2015:27)

7. (a) Berikan **tiga** ciri laras bahasa iklan.

- (i) [1]
- (ii) [1]
- (iii) [1]

(b) Bina **sebuah** wacana yang menepati ciri laras bahasa iklan yang dinyatakan dalam (a). Panjang wacana mestilah antara 20 hingga 30 patah perkataan.

.....

.....

.....

.....

[3]
(U2015:26)